



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

SURAT ARAHAN PENGARAH INSTUN BILANGAN 1 TAHUN 2017

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN BAGI MENGELAKKAN
KEBERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS BAGI KAKITANGAN
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA**

1. TUJUAN

1.1 Arahan ini bertujuan untuk memberi pemakluman mengenai garis panduan berhubung permohonan pinjaman bagi mengelakkan keberhutangan Kewangan yang serius di kalangan warga jabatan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

2. LATAR BELAKANG

2.1 Berdasarkan kepada Perkara 13, Perintah Am, Bab D telah menetapkan bahawa seseorang pegawai tidak boleh dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keberhutangan Kewangan yang serius.

2.2 Selaras dengan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam JPA(S)TT.7082 Jld 6 (35) bertarikh 28 Disember 2005: Peraturan Mengenai Larangan Meminjam Wang dan Berada Dalam Keterhutangan Kewangan Yang Serius ke Atas Pegawai Awam serta Surat Edaran JPA.BK(S) 328/2 Jld 13 (9) bertarikh 24 Januari 2017 : Pemantauan ke Atas Pegawai Yang Berada Dalam Keterhutangan Kewangan Yang Serius, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memastikan warga INSTUN mendapat pendapatan bersih (*take home pay*) tidak kurang daripada 40% dan mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai yang melakukan penipuan yang boleh menyebabkan mereka mengalami keberhutangan kewangan yang serius.

2.3 Keadaan ini jika tidak dikawal boleh menjejaskan prestasi kerja dan mendorong kepada berlakunya masalah disiplin seperti tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, melakukan penyelewengan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan menjalankan pekerjaan luar tanpa kebenaran Ketua Jabatan. Di samping itu, integriti pegawai, imej jabatan khasnya dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya akan tercemar jika masalah ini tidak ditangani dengan segera.

3. GARIS PANDUAN / TATACARA PERMOHONAN PINJAMAN

3.1 Selaras dengan Para 2.2 di atas, berikut adalah garis panduan / tatacara permohonan pinjaman :

3.1.1 Pinjaman wang hanya boleh dibuat melalui institusi Kewangan yang berlesen sahaja.

3.1.2 Bagi warga INSTUN (pemohon) yang ingin membuat pinjaman, pemohon perlu mengisi **Borang Maklumat Permohonan Pinjaman INSTUN/91/12/59** seperti di Lampiran A berserta salinan penyata gaji tiga (3) bulan terkini dan ditandatangani oleh Pegawai Pengesah Penyata Gaji yang telah dilantik oleh jabatan iaitu ;

- i. Pendaftar INSTUN
- ii. Penolong Pendaftar (Kewangan)
- iii. Ketua Unit Integriti

Borang Maklumat Permohonan Pinjaman INSTUN/91/12/59 yang telah disahkan oleh Pegawai Pengesah Penyata Gaji perlu dikemukakan kepada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (PSM) untuk pengeluaran Surat Pengesahan Majikan.

3.1.3 Pengesahan Majikan untuk tujuan pinjaman hanya dibuat oleh **Pengarah dan Pendaftar INSTUN** sahaja.

3.1.4 Penguatkuasaan Borang Maklumat Permohonan Pinjaman INSTUN/91/12/59 juga adalah terpakai bagi Skim Pinjaman

Kenderaan (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia W.P 9.2) dan Skim Pinjaman Komputer dan Telefon Pintar (Pekeliling Perbendaharaan W.P 9.1) serta apa-apa pinjaman yang dibuat oleh kakitangan INSTUN dan melibatkan potongan gaji.

3.1.5 Berdasarkan Surat Edaran JPA.BK(S) 328/2 Jld 13 bertarikh 13 November 2017 : Pengecualian Potongan Pinjaman Perumahan Bagi Pengiraan Pendapatan Bersih Penjawat Awam yang memaklumkan bahawa potongan pinjaman perumahan adalah dikecualikan daripada pengiraan potongan gaji 60% dari slip gaji pegawai. Walau bagaimanapun pemohon masih perlu mengemukakan Borang Makluman Permohonan Pinjaman INSTUN/91/12/59 bagi tujuan kawalan dalaman jabatan.

4. PEMATUHAN DAN KUAT KUASA

Arahan ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan akan berkuat kuasa mulai tarikh surat arahan ini dikeluarkan kepada semua warga Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Sekian, terima kasih

**"NEGARAKU ALAM SEKITARKU"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(NOREHAN BINTI OMAR)
PENGARAH
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Tarikh : 5/12/17



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
Borang Maklumat Permohonan Pinjaman

MAKLUMAT PEGAWAI

Nama :

Jawatan/Gred :

Bahagian :

MAKLUMAT PERMOHONAN PINJAMAN

Agensi Pemberi Pinjaman :

Jenis Pinjaman

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Peribadi

Perumahan

Kenderaan

Lain-Lain :

Jumlah Pinjaman :

Potongan Bulanan :

Tempoh Pinjaman :

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan,

(.....)

Tarikh:

**Dimohon sertakan salinan penyata gaji tiga (3) bulan terkini*

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Peratus Potongan Terkini :

Peratus Potongan Sekiranya Lulus :

Ulasan :

.....

Tandatangan Pegawai Penyemak,

.....

***Pendapatan bersih pegawai mestilah tidak kurang
40% dari emolumen bulanan. (JPA(S) TT.7082 Jld 6(35))*

(.....)

Tarikh :